

Mahathir - Runding
Oleh Sukardi Abdul Ghany

I

JAKARTA, 28 Feb (Bernama) -- Para pegawai kanan Malaysia tiba di sini hari ini bagi menguruskan rundingan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Suharto esok.

Mereka yang tiba dengan pesawat F28 Tentera Udara Diraja Malaysia, termasuk empat Ketua Setiausaha kementerian, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Hashim Mohammed Ali, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Mohammad Noor dan Ketua Pengarah di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Mohamad Yusuf.

Ketua-ketua Setiausaha itu ialah Datuk Ahmad Kamil Jaafar (Kementerian Luar), Datuk Zainol Mahmood (Kementerian Dalam Negeri), Datuk Haji Shaharuddin Haji Haron (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Tan Sri Wong Kam Choon (Perusahaan Utama).

Datuk Seri Dr Mahathir dijangka tiba di sini pagi esok bagi rundingan +empat mata+ dengan Presiden Suharto pada sebelah tengah hari menurut rangka kerja rundingan tahunan mereka.

Kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu ialah di Kuala Lumpur semasa Mesyuarat G-15, Jun tahun lepas.

Yang turut serta bersama Perdana Menteri esok ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohammed Ali, Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar dan wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Datuk Musa Hitam. -- Lagi.

♥28/02/16-28MST

CNS7517

R GB 28-02 00166 BA490

BAH

Mahathir - Runding 2 Jakarta

Seorang pegawai kanan berkata, Datuk Musa akan menghiringi Perdana Menteri ke Persidangan Antarabangsa mengenai Asean dan Ekonomi Dunia di Bali mulai Ahad ini.

Persidangan tiga hari itu, yang akan dirasmikan oleh Presiden Suharto, juga akan dihadiri oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong, Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei dan perwakilan asing lain. Ia dianjurkan oleh Persatuan Asia yang beribu pejabat di New York.

Datuk Seri Dr Mahathir akan berlepas ke Bali pada hari Sabtu manakala Datuk Abu Hassan akan pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama, kata pegawai itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbarudin Chik juga dijadualkan berada di Bali pada hari Ahad untuk menghadiri perasmian sebuah hotel baru lima bintang di pulau itu oleh Presiden Suharto.

Jurucakap Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Indonesia (CSIS), berkata, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah mengesahkan akan membentangkan satu kertas kerja di persidangan Bali itu. -- Lagi.

♥28/02/16-32MST

CNS7521

R GB 28-02 00107 BA491

BAH

. Mahathir - Runding 3 Jakarta

Beliau menggantikan Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin yang sebelum ini dijadualkan membentangkan satu kertas kerja di persidangan itu, kata seorang jurucakap penganjur.

Datuk Seri Dr Mahathir akan menyampaikan satu ucapan dasar pada hari Isnin ini sebelum berlepas ke Pulau Batam di Kepulauan Riau pada pagi Selasa.

Satu lagi rombongan dari Kuala Lumpur akan menyertai beliau pada lawatan itu. Anggota rombongan itu termasuk Datuk Abu Hassan, Datuk Paduka Daim dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Batam ialah sebahagian daripada segitiga pertumbuhan yang juga meliputi Johor Baharu dan Singapura. -- Bernama.